

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2023**BAHASA MELAYU****Kertas 1****OKTOBER****2 Jam**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Bahagian A**[30 markah]**

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan e-dompet.

Huraikan pendapat anda tentang Penggunaan E-dompet.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



E-dompet ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit dan juga maklumat akaun dalam bentuk aplikasi digital. E-dompet bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal supaya kita tidak perlu lagi membawa wang tunai atau beg tangan ke mana-mana.

An illustration showing a brown leather wallet filled with US dollar bills and surrounded by stacks of gold coins. Next to it is a smartphone displaying a payment interface with a card icon and a "PAY" button.	An illustration showing a hand holding a smartphone and pressing a "PAY" button on the screen, which is part of a payment interface.
Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa.	Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan.

Soalan :

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan e-dompet.

Huraikan pendapat anda tentang Penggunaan E-dompet.

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Kehendak / tugasan soalan:

Format : Tiada

1. Calon perlu menggunakan/menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
2. Calon dikehendaki menghuraikan maklumat yang terdapat dalam bahan iaitu:
 - a. Maksud dan tujuan e-dompet
 - b. Kebaikan / faedah / manfaat / kelebihan e-dompet
 - i. Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa
 - ii. Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan
3. Sekiranya calon menggunakan semua bahan dan menambah isi lain diterima seperti biasa.
4. Sekiranya calon tidak menyentuh semua bahan yang diberi – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
5. Calon yang menulis **melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir** – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
6. Sekiranya calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan** - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.

Cadangan Jawapan :

Kebaikan / faedah / manfaat / kelebihan e-dompet:

1. Mengurangkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa
 - Transaksi kewangan lebih selamat kerana tidak perlu membawa wang tunai
 - Menggunakan aplikasi bank
 - Pengguna perlu melalui proses identifikasi dan verifikasi yang selamat
 - Tidak terdedah kepada risiko penyeluk saku atau pencuri

2. Boleh menyimpan segala rekod perbelanjaan

- Transaksi kewangan seseorang akan direkod dan disimpan
- Mudah untuk menyemak semula rekod pembelian atau pembayaran
- Seseorang juga mungkin mudah untuk mengawal perbelanjaan secara berhemah
- Dapat menentukan tabiat pembelian dan menguruskan kewangan dengan baik

Bahagian B

[70 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 sehingga 500 patah perkataan**.

1. Generasi muda ialah penggerak kemajuan negara dan semua pihak perlu berusaha supaya generasi muda kita tidak terus hanyut dalam arus masalah sosial yang tidak bermanfaat. Penyelesaian dan pendekatan yang perlu dilaksanakan adalah menerusi program penerapan dan peningkatan nilai murni dalam kalangan masyarakat, terutama generasi muda kita.

Sumber : Berita Harian

Sebagai respons terhadap petikan di atas, jelaskan cara-cara yang perlu dilaksanakan bagi memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda.

Kehendak / Tugasan Soalan

Format : Tiada

1. Calon dikehendaki membincangkan **cara-cara yang perlu dilaksanakan bagi memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda**.

Kemungkinan Jawapan Calon:

1. Calon menghuraikan idea-idea daripada luar bahan dan menyentuh idea dalam bahan – **terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan tanpa menyentuh idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

2. Program Kitar Semula bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang pendidikan alam sekitar pada peringkat awal, iaitu seawal sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Program ini sekali gus mendatangkan impak positif bukan hanya di sekolah, malahan ke peringkat daerah, negeri mahupun negara. Usaha ini turut dilihat amat penting bagi mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif sekali gus memberikan suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.

Sumber : Berita Harian

Petikan di atas menunjukkan pihak sekolah memikul tanggungjawab untuk memberi kesedaran dan menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula.

Tulis sebuah syarahan yang bertajuk “Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Kitar Semula”.

Kehendak / Tugasan Soalan

Format : Syarahan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha menggalakkan amalan kitar semula.**

Kemungkinan Jawapan Calon:

1. Calon menghuraikan banyak usaha oleh satu pihak sahaja – **terima seperti biasa.**
2. Calon menghuraikan usaha tanpa dikaitkan dengan mana-mana pihak – **terima seperti biasa.**
3. Calon menghuraikan usaha menggalakkan amalan kitar semula secara umum – maksimum **BAIK.**

Cadangan Jawapan

1. Pihak sekolah mengadakan kempen kesedaran.
 - Pendidikan tentang kepentingan kitar semula perlulah dipupuk sejak di bangku sekolah.
 - Pihak sekolah mengadakan kempen kesedaran seperti ceramah dan pameran tentang amalan kitar semula kepada murid.
 - Program kitar semula bertujuan memberi pendedahan mengenai pendidikan alam sekitar.
 - Mewujudkan sekolah sebagai institusi yang ceria, bersih dan kondusif - memberi suasana persekitaran yang selesa kepada warga sekolah.
 - Pendedahan program kitar semula terhadap murid merupakan salah satu usaha memupuk sikap sayang akan alam sekitar.
2. Ibu bapa memupuk amalan kitar semula.
 - Memberi didikan tentang kepentingan amalan kitar semula sejak anak-anak masih kecil - melentur buluh biarlah dari rebungnya.
 - Menjadi suri teladan - mengumpul barang-barang yang boleh dikitar semula mengikut kategori.
 - Ibu bapa mengamalkan amalan mengitar semula - aktiviti keluarga - rutin dua minggu sekali atau gotong-royong bulanan.
 - Melatih anak-anak cara yang betul untuk melupuskan barang-barang terbuang dan sampah sarap.
3. Galakan amalan kitar semula oleh PBT - Pihak Berkuasa Tempatan - Majlis Perbandaran/Majlis Daerah.
 - Penggunaan teknologi moden untuk kitar semula bahan-bahan buangan dan sisa-sisa pepejal seperti surat khabar, majalah lama, pakaian,dan bahan bahan plastik.
 - Memilih dan melantik syarikat yang menggunakan teknologi moden untuk pelupusan sampah sarap dan sisa pepejal yang boleh dikitar semula.
 - PBT antara pihak yang menyumbang kepada cara hidup mesra alam - Negara Bersih, Rakyat Sihat.
4. Isi-isi lain yang sesuai ... media massa dll

3. Cabaran utama sektor pertanian di Malaysia ialah kesinambungan dari segi survival berikutan komuniti pertanian lebih dipelopori golongan sudah berumur. Generasi muda pada masa ini kurang meminati sektor pertanian dan menganggap penyertaan dalam bidang pertanian sebagai bahaya, kotor, suka dan hina (4D) serta mereka yang terbabit dalam sektor ini dianggap menerima gaji rendah dan tidak menjanjikan masa depan yang baik.

Sumber : My Metro

Berdasarkan petikan di atas,uraikan punca-punca generasi muda kurang meminati sektor pertanian.

Kehendak / Tugasan Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **punca-punca generasi muda kurang meminati sektor pertanian iaitu :**
- Bidang pertanian dianggap sebagai bahaya, kotor, suka dan hina.
 - Mereka yang terbabit dalam sektor ini dianggap menerima gaji rendah.
 - Tidak menjanjikan masa depan yang baik.

Kemungkinan Jawapan Calon:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan idea-idea lain – **terima seperti biasa.**
2. Calon menghuraikan idea lain (punca-punca) tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **KEPUJIAN.**

4. Secara umum, produk tempatan kita memiliki kualiti yang baik dan harga yang berpatutan. Uniknya, produk ini menawarkan ciri khas yang sukar ditemui dalam produk import. Kelebihan barang buatan Malaysia bukan sekadar harga yang mungkin lebih murah. Namun, apa yang lebih penting, barang ini mempunyai kualiti dan ciri-ciri yang unik.

Sumber : Internet

Petikan di atas menunjukkan kelebihan barang buatan Malaysia.

Ulaskan.

Kehendak/Tugasan Soalan

Format : Tiada

1. Calon diharapkan dapat mengemukakan **kelebihan barang buatan Malaysia**.
2. Maklumat isi/idea yang terdapat dalam petikan ialah:
 - a. Harga yang lebih murah / berpatutan
 - b. Mempunyai kualiti yang baik
 - c. Mempunyai ciri-ciri yang unik.

Kemungkinan Jawapan Calon:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan memberikan idea-idea lain berkaitan kelebihan barang buatan Malaysia -**terima seperti biasa**.
2. Calon menghuraikan idea/isi lain berkaitan kelebihan barang buatan Malaysia tanpa menyentuh idea dalam petikan-**maksimum KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan tentang barang buatan Malaysia secara umum / tidak dikaitkan dengan usaha-**maksimum BAIK**.

FORMAT PENULISAN KOMEN :

- | |
|--|
| T - menepati tema / tugasan |
| I - relevan, huraihan, jelas |
| B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas |
| P - menarik dan berkesan |

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<p style="text-align: center;">26 – 30</p> <p>(28 – 30) (26 – 27)</p>	<p><u>TEMA/TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan ▪ huraihan jelas dan matang <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ unsur bahasa yang digunakan bervariasi ▪ penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ menggunakan ungkapan yang menarik yangsesuai dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ menarik dan berkesan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasn ▪ wacana lengkap ▪ pemerengganan sesuai <p>Ungkapan menarik :(peribahasa, kata- kata hikmat,petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)</p>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<p><u>TEMA/TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan dengan tema bahan rangsangan ▪ huraian jelas <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa gramatis dari segi kata dan ayat ▪ penggunaan kosa kata luas ▪ unsur bahasa yang digunakan bervariasi ▪ penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ menggunakan ungkapan yang menarik ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan RumiBaharu <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengolahan menarik ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasan ▪ wacana lengkap ▪ pemerengganan sesuai
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<p><u>TEMA/TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/tugasan <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan ▪ huraian masih jelas <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat ▪ penggunaan kosa kata masih luas /terhad ▪ unsur bahasa masih bervariasi ▪ penggunaan tanda baca masih betul dan tepat ▪ ejaan masih betul mengikut Sistem Ejaan RumiBaharu tetapi terdapat kesalahan bahasa yang ketara <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ masih menarik ▪ laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan ▪ wacana masih lengkap ▪ pemerengganan masih sesuai

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Pencapaian Minimum	<p style="text-align: center;">10 -14 (12 – 14) (10 – 11)</p>	<p><u>TEMA/ TUGASAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menepati tema bahan rangsangan/tugasan <p><u>IDEA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan ▪ huraian kurang jelas <p><u>BAHASA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat ▪ kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara ▪ penggunaan kosa kata terhad ▪ unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi ▪ ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara <p><u>PENGOLAHAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menarik ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan ▪ wacana kurang lengkap ▪ pemerengganan kurang sesuai
Tidak Mencapai Tahap Pencapaian Minimum [TPM]	<p style="text-align: center;">01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ▪ calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiranmenulis. ▪ idea tidak menepati tema bahan rangsangan/tugasan ▪ banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

KRITERIA PENSKORAN

Bahagian B Karangan Respons Terbuka [70 markah]

FORMAT PENULISAN KOMEN :

T – menjawab tugasan
I – relevan, huraian jelas
B – gramatis, kosa kata luas dan tepat
P – menarik dan berkesan

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<p>TEMA/TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Karangan menjawab tugasan <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none">▪ idea relevan mengikut tugasan▪ huraian jelas dan matang▪ contoh yang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none">▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu▪ Penggunaan unsur bahasa bervariasi▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat▪ Gaya bahasa amat menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun,cogan kata atau frasa <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none">▪ sangat menarik dan berkesan▪ pemerengganan sesuai▪ wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan▪ laras bahasa sesuai mengikut tugasan <p>Ungkapan menarik : (peribahasa, kata- kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dansebagainya)</p>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KEPUJIAN	<p style="text-align: center;">55 – 63</p> <p>(59 – 63)</p> <p>(55 – 58)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea relevan mengikut tugas ▪ huraian jelas ▪ contoh yang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca betul dan tepat ▪ Penggunaan unsur bahasa bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, pantun,cogan kata atau frasa <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ menarik dan berkesan ▪ pemerengganan sesuai ▪ wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas
BAIK	<p style="text-align: center;">45 – 54</p> <p>(50 – 54)</p> <p>(45 – 49)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan mengikut tugas ▪ huraian masih jelas ▪ contoh masih sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai ▪ Penggunaan kosa umum ▪ ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu ▪ Penggunaan tanda baca masih betul ▪ Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi ▪ Gaya bahasa menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ masih menarik ▪ pemerengganan masihsesuai ▪ wacana masih lengkap ▪ laras bahasa sesuai mengikut tugas

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
MEMUASKAN	<p>35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan masih/ kurang menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan ▪ huraian kurang jelas ▪ contoh kurang sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ayat kurang gramatis ▪ Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad ▪ Penggunaan kosa kata umum dan terhad ▪ ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum ▪ Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi ▪ Gaya bahasa kurang menarik dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ kurang menarik ▪ pemerengganan kurang sesuai ▪ wacana masih/ kurang lengkap ▪ laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas
PENGUASAAN MINIMUM	<p>21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)</p>	<p>TUGASAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Karangan kurang menjawab tugas <p>IDEA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk ▪ huraian tidak jelas/tidak berkembang ▪ contoh tidak sesuai <p>BAHASA</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami ▪ Penggunaan kata kurang tepat ▪ Penggunaan kosa kata umum dan terhad ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi ▪ Gaya bahasa lemah dari keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah <p>PENGOLAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ tidak menarik ▪ pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang ▪ wacana tidak lengkap

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
TIDAK MENCAPIAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ keseluruhan karangan sukar/tidak difahami ▪ idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas /tidak berkembang serta contoh tidak sesuai ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis ▪ keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. ▪ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. ▪ Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaungkapan lemah dan tidak menarik ▪ Pengolahan tidak menarik ▪ Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang ▪ Wacana tidak lengkap

Cara Pemeriksaan

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan pada peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi /fakta

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi ‘di ... (rumah)’ dan ‘ke ... (sana)’
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT